

**SENJATA KERIS WARISAN SENI MELAYU**

**OLEH**

**ENGKU NOR AZIRA BT ENGKU RAHAM**

**99128753**

**Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Logam Halus.**

**Dekan**

**Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka**

**Universiti Teknologi MARA**

**40450 Shah Alam**

**Selangor Darul Ehsan.**

## **PENGHARGAAN**

Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan keizinanNya juga dapat saya menyiapkan tesis ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih buat ayahanda dan bonda tercinta yang berkorban segalanya untuk kami anak-anak<sup>nya</sup> terutama dari segi sokongan moral dan wang ringgit. Segala pengorbanan dan pengertian, anakanda sanjung tinggi.

Ucapan terima kasih juga kepada Puan Mohainee Khalid selaku penasihat dalam menjayakan tesis ini. Terima kasih atas pendapat dan buah fikiran yang telah diberikan.

Terima kasih juga kepada intokraf<sup>f</sup> Malaysia yang telah memberikan kerjasama dalam menggunakan sumber rujukan bagi mengkaji atau memperdalamkan lagi khazanah ilmu ini. Kerjasama yang diberikan tidak akan saya lupakan.

Terima kasih juga diucapkan kepada Perbadanan Perpustakaan Negara dan Perpustakaan UiTM Shah Alam, Istana Kelantan dan semua pihak yang telah memberikan kerjasama sepanjang saya menjalankan tesis ini. Semoga Allah memberikan balasan yang baik dan kehidupan mereka diberkati.

Akhirnya ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas sumbangan mereka.,

Sekian, terima kasih.

## SINOPSIS

Keris dihasilkan dengan menggunakan kaedah tertentu, justeru itu pandai besi adalah orang yang dianggap istimewa kerana memiliki kemahiran menempa, menjampi serta memasukkan bahan yang beracun ke dalam mata keris. Secara umumnya terdapat tiga bahagian utama keris iaitu hulu, mata dan sarung. Hulu keris dilekatkan pada mata keris dengan menggunakan perekat daripada campuran damar dan minyak. Biasanya hulu keris diperbuat daripada tunjang atau teras kemuning, kayu hitam, kayu sena, kayu petai belalang, gading, perak tanduk dan sumbu badak.

Keris dihasilkan adalah untuk berbagai tujuan. Ia bergantung kepada masyarakat dulu dan sekarang menggunakannya untuk apa tujuan sekalipun. Keris yang digunakan di dalam perkahwinan adalah bertujuan untuk membezakan antara pengantin lelaki dengan pengapitnya. Keris yang dipakai oleh dihiasi dengan hiasan yang bermotifkan bunga-bunga.

Keris yang berfungsi sebagai kelengkapan pakaian, dipakai dalam upacara rasmi istana, upacara-upacara beradab ataupun dalam upacara pertabalan diraja. Ini akan melambangkan kedaulatan. Begitu juga dalam kehidupan masyarakat Melayu, berpakaian beradat adalah apabila pakaian tradisional tersebut lengkap dengan keris terpacak di pinggang.

Selain itu, keris juga dianggap oleh sesetengah orang Melayu sebagai benda yang mempunyai kuasa mistik ataupun kuasa ghaib. Malah ada sesetengah golongan tua begitu fanati dengan kepercayaan tersebut sehinggakan percaya bahawa lebih berumur keris itu, lebih tinggilah kuasanya. Dari kepercayaan itu juga lah wujudnya satu adat dalam pemujaan untuk mendapat khidmat keris tersebut contohnya untuk menyembuhkan penyakit, memohon kekayaan ataupun memuja untuk tujuan kejahatan.

## **SENARAI ISI KANDUNGAN**

### **ISI KANDUNGAN**

### **MUKASURAT**

SEKAPUR SIRIH	1 -ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	iv-vi
SENARAI ISI KANDUNGAN	vii-x
SENARAI GAMBARAJAH	xi
BIBLIOGRAFI	xii

### **BAB SATU**

1.0 PENGENALAN	1-2
1.1 SEJARAH ASAL USUL KERIS	3-7
1.2 KERIS DALAM BUDAYA MELAYU LAMA	8-10

## **1.0 PENGENALAN**

Bercakap tentang senjata bererti harus berbicara tentang kehidupan masyarakat Melayu di mana senjata ini digunakan. Keris berperanan penting dalam masyarakat dan bukannya semata-mata digunakan sebagai senjata.

Di kawasan Nusantara, banyak senjata yang dianggap mempunyai kuasa magis yang harus dihormati. Seseorang akan berasa selamat apabila membawa senjata ini semasa dalam perjalanan.

Seni pertukangan besi adalah seni pertukangan yang lain. Barang-barang yang diperbuat daripada besi lebih merupakan alat-alat senjata dan ianya digunakan oleh manusia untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Alat-alat yang biasa diperbuat daripada besi ialah golok, parang, pisau, keris dan seumpamanya.

Biasanya orang memberi gelaran 'pandai besi' kepada orang yang pandai dalam pertukangan besi, 'pandai keris' kepada tukang keris dan sebagainya, termasuklah 'pandai perak' kepada mereka yang mahir dalam seni pertukangan perak..

Keris biasanya dikenali sebagai senjata manikam disebabkan oleh beberapa faktor geografis dan pengaruh lingkungan. Maka, disebabkan oleh faktor tersebut, keris mempunyai perbezaan dari segi bentuk dan fungsinya. Pada zaman terdahulu, keris biasanya digunakan sebagai senjata untuk mempertahankan diri dan juga membunuh.

Penggunaan keris merangkumi kehidupan yang amat luas dalam budaya masyarakat sejagat terutamanya berhubungan dengan tatacara kehidupan seperti spiritual (menjaga keselamatan, kebahagiaan hidup dan sebagainya). Keris merupakan hasil seni sesuatu